

# **UNSUR AL-KHAFa' DI DALAM NAS-NAS SYARA' DAN KESANNYA KEPADA PERKEMBANGAN HUKUM FiqH**

Oleh  
Shukeri bin Mohamad

## **Abstract**

*This article explains the meaning of **al-Khafa** according to **al-Qur'an** and **al-Sunnah** (especially in the orientation of **Usul Fiqh**) and its impact on the legal judgement of **fiqh**. The existence of **al-Khafa** in certain **nas** of **syara'** makes them not **qate'i** in terms of **dalalah** (Its definition/its legal judgement). This phenomenon broadens the meaning of **ijtihad** as to determine its accurate meaning and simultaneously spread the legal judgement of **fiqh**. In short, **nas-nas of syara'** consist of dynamic element which is essential in developing the legal judgement of **fiqh**. However, when there is a stagnation in the use of **nas-nas of syara'**, the dynamic element serves as an experimental object only.*

## **Pendahuluan**

Menjadi tanggungjawab pihak yang terlibat dengan hukum fiqh meneliti dan mengkaji seluruh persekitaran hukum fiqh yang terdapat di dalam kitab-kitab. Hal ini akan menonjolkan aspek-aspek analisa yang melibatkan berbagai-bagai unsur dan kaedah yang melengkongi hukum fiqh seperti aspek bahasa, kaedah-kaedah *istinbat* dan sebagainya.

Dengan analisa tersebut dapat meningkatkan kemampuan ulama' di bidang hukum dan sekaligus membantu perkembangan hukum fiqh.

Menyedari hakikat itu, kertas ini cuba meninjau dengan lebih dekat suatu istilah yang dipakai oleh ahli usul mazhab Hanafi di dalam kitab-kitab mereka iaitu istilah *al-Khafi* atau unsur *al-Khafa'* dan kesannya terhadap perkembangan hukum fiqh. Aliran-aliran usul yang lain tidak menggunakan istilah *al-Khafi*. Namun begitu, perbincangan hukum fiqh mereka tidak dapat mengelakkan diri dari menyentuh unsur tersebut sehingga lahirnya perbezaan-perbezaan tertentu di dalam hukum fiqh.

Dengan itu, jelas kepada kita bahawa unsur *al-Khafa'* telah mempengaruhi perkembangan hukum fiqh, walaupun istilah ini tidak dipakai oleh seluruh aliran mazhab.

### Pengertian *al-Khafi*

Unsur *al-Khafa'* wujud di dalam lafaz *Khafi*. Istilah *al-Khafi* ini diperkenalkan oleh ahli-ahli usul mazhab Hanafi, sepertimana yang terdapat di dalam kitab-kitab usul mereka. Istilah *al-Khafi* ditujukan kepada lafaz-lafaz yang kesamaran dari segi pemakaiannya ke atas beberapa istilah lain yang berada di dalam status yang sama dengan lafaz-lafaz *Khafi* itu.

Sebenarnya lafaz *khafi* itu (*sighah*) tidaklah mempunyai sebarang kesamaran dari segi pengertian dan makna (*dalalat*). Tetapi kesamaran (*al-Khafa'*) hanya berlaku apabila pemakaian lafaz *Khafi* itu hendak diluaskan kepada beberapa perkataan lain yang berada di dalam satu status dengannya seperti lafaz *al-Sariq* (السارق) di dalam firman Allah Taala:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا

"Pencuri lelaki dan pencuri perempuan hendaklah dipotong tangan kedua-duanya."

al-Ma'idah (5):38

Lafaz *al-Sariq* itu sendiri jelas dari segi pengertiannya tetapi berlaku kesamaran apabila lafaz *al-Sariq* hendak diselaras pengertian dan tuntutannya dengan istilah-istilah baru seperti penyeluk saku dan sebagainya.

Unsur *al-Khafa'* timbul apabila hendak menentukan sama ada istilah-istilah itu membawa pengertian yang sama dengan lafaz *al-Sariq* yang terdapat di dalam nas al-Quran.

Pada keseluruhan ulama' Hanafi tidak berbeza pandangan dari segi takrif dan pengertian *al-Khafi*. Bagi meneliti dengan lebih dekat, dibentangkan beberapa takrif *al-Khafi* yang dipakai oleh ulama' Hanafi dan ulama' semasa.

Al-Sarakhsi berkata:<sup>1</sup>

الْخَفِيُّ: اسْمٌ لَمَّا اشْتَبَهَ مَعْنَاهُ وَخَفِيَ الْمُرَادُ مِنْهُ بِالْعَارِضِ  
فِي الصِّيغَةِ يَمْنَعُ نَيْلَ الْمُرَادِ بِهَا إِلَّا بِالطَّلَبِ

*Al-Khafi* ialah nama (perkataan) yang kesamaran maknanya (dari segi bahasanya)<sup>2</sup> dan tidak jelas maksudnya (hukum syaraknya)<sup>3</sup> disebabkan suatu *sighah* lain yang baru muncul di mana maksud sebenarnya tidak dapat diketahui kecuali melalui penelitian dan *ijtihad*.

<sup>1</sup>Al-Sarakhsi, *Usul al-Sarakhsi*, Jld. 1, Beirut, 1973, h. 167.

<sup>2</sup>Secara zahirnya terdapat perbezaan di antara takrif al-Sarakhsi dengan takrif-takrif lain apabila al-Sarakhsi mengatakan *al-Khafi* melibatkan *sighah*, sebenarnya ia tidak bermaksud begitu sepertimana yang diulas oleh Abdul Aziz, al-Bukhari, di dalam *Kasyf al-Asrar 'an Usul al-Bazdawi*, Jld. 1, h. 139. Maksudnya ialah *al-Khafa'* di dalam *sighah* ialah seperti *sighah al-Sariq* (السارق). Ia disebut sebagai contoh, bukannya bermaksud kesamaran itu berlaku/berpunca daripada perkataan itu sendiri. Beliau juga mengandaikan bahawa *al-Sarakhsi* (syamsul al-Aimmah) bermaksud dengan *sighah* ialah *sighah* baru seperti *al-nabbasy* dan *al-Tarrar*.

<sup>3</sup>Lihat, *Ibid*.

Al-Syasyi berkata:<sup>4</sup>

الخفي ما خفى المراد بعارض لا من حيث الصيغة

"Al-Khafi ialah sesuatu (lafaz) yang samar-samar maksudnya disebabkan sesuatu yang mendatang, bukan dari segi sighthah."

Al-Nasafi berpendapat:<sup>5</sup>

الخفي ما خفى المراد بعارض غير الصيغة لاينال إلا  
بالطلب

"Al-Khafi ialah sesuatu (lafaz) yang samar-samar maksudnya disebabkan sesuatu yang mendatang, bukan dari segi sighthah, di mana ia memerlukan ijtihad untuk mengetahui maksud sebenar."

Ulama'-ulama' semasa juga menerima pengertian *khafi* yang telah dikemukakan oleh ulama'-ulama' silam. Di antara mereka ialah: Dr. Abd. Wahab Khallaf,<sup>6</sup> Dr. Wahbah al-Zuhaili,<sup>7</sup> Dr. Fathi al-Duraini,<sup>8</sup> Syeikh al-Khudari<sup>9</sup> dan lain-lain.

<sup>4</sup>Al-Syasyi, *Usul al-Syasyi*, Beirut 1982, h. 80.

<sup>5</sup>Al-Nasafi, *Kasyf al-Asrar Syarah al-Mussonnif ala al-Manar*, Jld. 1, Beirut, 1986, h. 214.

<sup>6</sup>Khallaf, Abd. Wahab, *Ilmu Usul al-Fiqh*, Mesir, t.t. h. 170, Lihat Zaidan, Abd. Karim, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut, 1986, 1990, h. 214.

<sup>7</sup>Al-Zuhaili, Wahbah (Dr), *Usul al-Fiqh al-Islami*, Jld. 1, Damsyik, h. 336.

<sup>8</sup>Al-Duraini, Fathi (Dr), *al-Manahij al-Usuliah*, Damsyik, 1984, h. 71.

<sup>9</sup>Syeikh al-Khudari, *Usul Fiqh*, Beirut, 1988, h. 135.

## **Al-Khafi Di Dalam Nas-nas Syara' Dan Kesannya Terhadap Hukum Fiqh**

Contoh Pertama:

Firman Allah Taala:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءَ بِمَا  
كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

"Pencuri lelaki dan pencuri perempuan hendaklah dipotong tangan kedua-duanya (lelaki dan perempuan) sebagai balasan terhadap apa yang mereka lakukan dan sebagai pengajaran/seksaan daripada Allah Taala. Dan Allah Taala Maha Perkasa lagi Bijaksana."

al-Maidah (5):38

Perkataan *al-Sariq* (السارق) dianggap sebagai lafaz *al-Khafi*.

### **Huraian**

Perkataan *al-Sariq* di dalam ayat al-Quran itu adalah perkataan umum. Maksudnya dari segi syara' amat jelas, iaitu: mengambil harta yang berharga yang boleh dipindah, di mana harta tersebut adalah milik seseorang. Ia diambil dari tempat simpanannya yang sesuai, secara sembunyi-sembunyi.<sup>10</sup>

Namun begitu, *al-Khafa'* berlaku apabila pengertian dan hukum *al-Sariq* itu hendaklah *ditatbiq* kepada beberapa istilah curi yang lain seperti penyeluk saku, penipu wang, pukau, pencuri kain kapan dari kubur dan sebagainya.

<sup>10</sup>Al-Syarbini, *al-Mughni al-Muhtaj*, Jld. 4, h. 158.

Sebab itu fuqaha' berselisih pendapat di dalam menentukan sejauhmana istilah-istilah curi yang lain itu boleh diselaraskan dengan kehendak perkataan *al-Sariq*.

Inilah yang dikatakan unsur *al-Khafa'*.

Di sinilah perlunya ijtihad<sup>11</sup> bagi menentukan sejauhmana istilah-istilah baru itu selaras dengan perkataan *al-Sariq* (dari segi maksud dan hukumnya). Sekiranya ia tidak memenuhi pengertian/maksud curi (السرقَة) di atas maka hukum hudud tidak dikenakan. Sebaliknya dikenakan ta'zir sahaja. Tetapi jika pengertian curi itu terkandung di dalam istilah-istilah itu, maka hukum hudud dikira terpakai.

Di dalam proses berijtihad inilah lahirnya perbezaan pendapat di kalangan fuqaha kerana faktor intelektual dan kemampuan mujtahid mempengaruhi bentuk-bentuk ijtihad mereka. Ini sudah tentu membawa kepada perbezaan pendapat di kalangan mereka dalam membuat suatu keputusan dari segi hukum.

Misalnya, Imam Abu Hanifah berpendapat, bahawa *al-Nabbasy* (pencuri kain kapan) tidak termasuk di dalam pengertian *al-Sariq*, tidak dikenakan hudud kerana ia tidak mengambil dari tempat simpanan sebenar (kubur tidak dianggap sebagai tempat simpanan).<sup>12</sup> Sedangkan jumhur al-fuqaha' menganggap *al-Nabbasy* sebagai pencuri dan dikenakan hukuman yang sama dengan *al-Sariq*.<sup>13</sup>

Dalam kes penyeluk saku pula (الظرار/النشال) jumhur al-fuqaha' menganggap ia termasuk di dalam lafaz *al-Sariq*, malah unsur-unsur kemahiran penyeluk saku mengatasi kemahiran *al-Sariq*. Sebab itu ia

---

<sup>11</sup>Perbincangan lanjut mengenai ijtihad dan metod fuqaha di dalam menangani unsur *al-Khafa'* akan dibuat di dalam artikel berasingan.

<sup>12</sup>Al-Sarakhsi, *Kitab al-Mabsut*, Jld. 5, Beirut, 1989, h. 85.

<sup>13</sup>Al-Nawawi, *al-Majmu' Syarah al-Muhazzab* Jld. 10, h. 85.

dimasukkan ke dalam kesalahan hudud iaitu curi (السرقه) dengan lebih utama lagi.<sup>14</sup>

Contoh Kedua:

Sabda Rasulullah s.a.w.:<sup>15</sup>

### القاتل لا يرث

*"Pembunuh (orang yang membunuh warisnya kerana mahu mendapatkan harta pusakanya) tidak diberikan harta pusaka tersebut (ditahan dari menerima pusaka)."*

Perkataan *al-Qatil* (القاتل) di dalam hadis di atas membawa pengertian (dalalat) yang cukup jelas. Ia bererti seseorang yang melakukan perbuatan membunuh. Para fuqaha telah ijma' menghukum orang-orang yang membunuh warisnya secara sengaja dan niat jahat tidak akan mendapat sebarang harta pusaka.<sup>16</sup>

Namun begitu *al-Khafa'* berlaku apabila lafaz *al-Qatil* (القاتل) itu hendak *ditatbiq* kepada beberapa bentuk bunuh yang memakai nama/istilah tersendiri seperti bunuh secara tersilap (القاتل خطأ), bunuh dengan cara-cara tertentu (القاتل بالتسبب) atau bunuh dengan cara perintah/upah (القاتل بالتحريض).

Inilah yang dikatakan unsur *al-Khafa'*. Sebab itu fuqaha berbeza pendapat dalam menentukan apakah bentuk jenayah bunuh yang dikira menghalang seseorang pembunuh itu dari memperolehi harta pusaka.

<sup>14</sup>Lihat al-Duraini, Fathi, *op.cit.*, h. 84.

<sup>15</sup>Hadis riwayat Ibnu Majah di dalam sunannya, Kitab *al-Fara'id*, bab 8, Jld. 2, h. 913 dan al-Tirmizi, Kitab *al-Fara'id*, bab 17, Jld. 4, h. 425. Hadis di atas adalah hadis masyhur.

<sup>16</sup>Lihat Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Jld. 6, Beirut, 1985, h. 244.

Jelasnya, kesamaran (الخفاء) tidaklah berlaku di dalam *sighah al-Qatil* itu sendiri, sebaliknya ia hanya berlaku di dalam *tatbiq* lafaz itu kepada istilah-istilah lain yang berada dalam status yang sama dengannya.

Dengan itu fuqaha perlu berijtihad bagi mengatasi persoalan yang timbul itu. Hasilnya berlakulah perbezaan pendapat di kalangan mereka, sepertimana yang akan disebutkan di bawah ini:

Mazhab Hanafi: Berpendapat bahawa perbuatan membunuh secara langsung (sengaja atau tersalah) merupakan jenayah bunuh yang menghalang seseorang daripada mendapat harta pusaka.<sup>17</sup> Jadi, perbuatan membunuh secara tidak langsung tidak menghalang daripada menerima pesaka seperti dengan cara upah atau melakukan cara-cara tertentu.

Mazhab Malik: Berpendapat bahawa perbuatan membunuh secara sengaja (secara langsung atau dengan cara-cara tertentu) dikira jenayah bunuh yang menghalang seseorang daripada menerima pesaka.<sup>18</sup> Oleh itu, perbuatan membunuh secara tersalah tidak menghalang daripada menerima pesaka.

Iman Syafie: Berpendapat bahawa apa sahaja bentuk bunuh (القتل مطلقاً) adalah termasuk di dalam jenayah bunuh yang menghalang seseorang pembunuh daripada mendapat harta pesaka.<sup>19</sup>

Mazhab Hanbali: Berpendapat perbuatan membunuh yang boleh membawa kepada hukuman *qisas* atau *diyat* atau *kaffarat* adalah menghalang seseorang daripada menerima pesaka. Ia termasuk bunuh secara sengaja, *syibhu al-Amd*i atau tersalah atau bersebab sama ada

---

<sup>17</sup>Lihat Ibnu Abidin, *Hasyiah Rad al-Muhtar*, Jld. 6, 1979, h. 767.

<sup>18</sup>Lihat al-Kasynawi, *Ashal al-Madarik*, Jld. 3, h. 288.

<sup>19</sup>Lihat al-Nawawi, *op.cit.*, Jld. 16, h. 61. Lihat al-Husaini, *Kifayah al-Akhyar*, Beirut, 1991, h. 329.



pembunuh itu besar atau kecil.<sup>20</sup> Pada keseluruhannya pendapat ini hampir sama dengan Mazhab Syafie.

Pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh mazhab-mazhab di atas adalah berdasarkan ijtihad masing-masing yang bersandarkan hujah dan dalil-dalil tertentu.

## **Penutup**

Ketika hukum fiqh bergerak lancar di dalam realiti kehidupan ummah dan negara, hukum fiqh telah mengalami suatu zaman perkembangan yang hebat sehingga mendorong para fuqaha dan ahli-ahli usul membahaskan persoalan-persoalan hukum secara detail dan menyeluruh, sehingga kes pencuri kain kapan dari kubur pun dibahaskan. Mungkin disebabkan perubahan zaman, maka kes pencuri kapan atau kes-kes seumpamanya dianggap tidak mempunyai nilai hukum dan akademik jika dibangkitkan di zaman ini. Namun, kenyataan hukum fiqh telah melewati tanggapan-tanggapan itu, kerana ia telah memberikan sumbangan yang tertentu kepada perkembangan hukum fiqh.

Apa yang tergambar kepada kita ketika meneliti kitab-kitab fuqaha, seolah-olah mereka telahpun menyediakan seluruh kelengkapan hukum (manhaj/metod dan kaedah-kaedah hukum) untuk digunakan dalam apa jua keadaan yang berlaku di dalam kehidupan manusia. Ini jelas apabila persoalan dan persekitaran hukum fiqh telah dianalisa oleh para fuqaha dan *usuliyyun* dengan begitu mendalam di dalam penulisan mereka. Contohnya: Unsur-unsur *al-Khafa'* yang terdapat di dalam nas-nas syara'. Kesimpulan dari perbincangan di atas ialah: Unsur *al-Khafa'* telah mempengaruhi aliran hukum fiqh dan sekaligus memperkembangkan khazanah hukum-hukum fiqh. Begitu juga, ia telah menjadikan hukum fiqh mempunyai nilai akademik yang tinggi. Dengan lain perkataan, unsur *al-Khafa'* merupakan salah satu elemen dinamik yang telah sedia ada di dalam nas-nas syara' dan bersedia membantu perkembangan hukum fiqh. Dengan dokongan ulama-

---

<sup>20</sup>Lihat al-Mardawi, *al-Insaf* Jld. 7, h. 368.

ulama dan juga sokongan negara Islam, hukum fiqh telah dapat berkembang sepenuhnya.

Namun begitu, apabila pergerakan hukum fiqh terbantut di dalam realiti kehidupan (di peringkat masyarakat dan negara) maka jelas kelihatan kelesuan hukum fiqh dalam menangani perubahan dan perkembangan zaman, walaupun ia mempunyai nilai-nilai dinamik. Seolah-olah hukum fiqh hilang kemampuan, sedangkan sebenarnya kelesuan dan kelemahan itu adalah berpunca daripada kelesuan ulama' sezaman. Persekitaran masyarakat dan negara telah memandulkan ulama'-ulama' sezaman apabila hukum fiqh di sisih daripada menjadi landasan hukum dan perundangan. Dengan itu, perbahasan-perbahasan hukum hanya bersifat maktabi/keperpustakaan semata-mata, sehingga akhirnya melahirkan tanggapan umum yang negatif (sama ada dari golongan agama atau bukan agama) bahawa hukum fiqh tidak bermaya dan tidak berupaya membangukan masyarakat yang serba moden...